



Garis Panduan Pelantikan Pemeriksa Luar (*External Examiner*) Untuk Program-Program Akademik di UNIMAS

1. Tujuan

Garis panduan ini bertujuan memberi penerangan kepada Fakulti dan Pusat di UNIMAS tentang pelantikan dan terma rujukan Pemeriksa Luar (*External Examiner*) untuk program-program akademik di peringkat Pra-Siswazah dan Pasca Siswazah (Kerja Kursus).

2. Pengenalan

- Pelantikan pemeriksa luar untuk program akademik yang ditawarkan adalah satu **keperluan dalam aktiviti penambahbaikan kualiti berterusan setiap program yang ditawarkan di UNIMAS.**
- Keperluan ini adalah selaras dengan perkara yang dinyatakan di Seksyen 2.4.1 dalam Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA, 2010, m.s. 20) seperti berikut:

Program, khususnya kandungan dan penyampaiannya, wajib kerap disemak dan dinilai semula dan segala hasil semakan ini digunakan untuk menjamin kualiti. (Pada tahap 6 dan ke atas MQF, penyemakan ini perlu melibatkan penilai luar).

- Penglibatan pemeriksa luar adalah penting bagi memantau aspek-aspek berkaitan pelaksanaan program agar program yang ditawarkan mempunyai tahap yang sama (*of the same level*) ataupun lebih tinggi dari program-program yang ditawarkan di institusi lain sama ada di dalam negara atau di peringkat antarabangsa.
- Pemeriksa luar adalah **ahli akademik dari institusi pengajian tinggi (IPT)** di luar UNIMAS yang mempunyai kelayakan akademik yang tinggi (contoh: Professor) serta mempunyai kewibawaan, kepakaran dan pengalaman yang luas dalam penggubalan kurikulum serta pengendalian sesuatu bidang pengkhususan program akademik.
- Setiap program akademik mesti mempunyai **sekurang-kurangnya seorang pemeriksa luar untuk setiap sesi penawaran program.**
- **Semua pelantikan adalah tertakluk kepada kelulusan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).** Senarai calon pemeriksa yang

dicadangkan mesti dimajukan beserta CV yang lengkap dan justifikasi pencalonan.

- Surat pengesahan persetujuan penerimaan lantikan yang dilampirkan bersama surat lantikan mesti dihantar dalam **tempoh 14 hari** dari tarikh surat lantikan.
- Pemeriksa luar yang sama boleh **dilantik semula sekali sahaja** selepas tempoh lantikan beliau tamat.
- Pemeriksa luar mesti melakukan lawatan **sekurang-kurangnya sekali** dalam tempoh pelantikan ke fakulti/pusat untuk menyemak dan menilai program akademik yang dilaksanakan.
- Laporan bertulis yang lengkap mesti disediakan oleh pemeriksa luar **SEBULAN** selepas lawatan pemantauan dan semakan dijalankan. Laporan tersebut mesti dihantar ke pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) untuk semakan dan pengesahan.
- Aktiviti penambahbaikan kualiti berterusan program akademik oleh fakulti/pusat **mesti mengambilkira laporan pemeriksa luar**. Laporan dari pemeriksa luar mesti dilampirkan bersama dokumen permohonan semakan kurikulum yang akan dihantar ke Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan/atau Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT).

3. Terma Rujukan

- Menyemak dan menilai standard dan kualiti aspek pelaksanaan serta pengurusan program agar setanding dengan penawaran program dalam pengkhususan yang sama yang ditawarkan sama ada di dalam negara atau di peringkat antarabangsa berdasarkan kriteria-kriteria seperti berikut:
 - Keberkesanan pelaksanaan struktur kurikulum program dan kursus-kursus yang ditawarkan untuk mencapai matlamat pendidikan dan hasil pembelajaran yang telah dinyatakan.
 - Penjajaran konstruktif diantara aras domain pembelajaran yang ditetapkan untuk hasil pembelajaran kursus, aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta strategi pentaksiran kursus.
 - Kesesuaian dan keberkesanan strategi pentaksiran kursus termasuk soalan-soalan yang digunakan bagi mengukur pencapaian hasil pembelajaran oleh pelajar.
 - Kesesuaian skema pemarkahan yang disediakan untuk strategi pentaksiran kursus dari segi pemberian markah dan tempoh masa yang diambil untuk menyediakan jawapan oleh pelajar.
 - Kebolehpercayaan dari segi penandaan atau pemberian markah terutama bagi kursus-kursus yang diajar oleh lebih dari seorang pensyarah.

- Kesesuaian kelayakan staf akademik untuk mengajar kursus-kursus dalam program akademik termasuk aspek pengalaman dalam industri/bidang berkaitan.
 - Kelengkapan sumber pendidikan yang digunakan untuk pelaksanaan program akademik.
 - Kesesuaian nisbah diantara pensyarah dan pelajar untuk kursus-kursus yang ditawarkan.
 - Keberkesanan semua proses kerja yang digunakan untuk tadbir urus pelaksanaan program akademik
- Menyediakan laporan lengkap hasil semakan dan penilaian yang telah dilakukan ke atas standard dan kualiti aspek pelaksanaan dan pengurusan program yang dinyatakan di atas.
 - Memberi maklumbalas, cadangan penambahbaikan atau laporan dari masa ke semasa ke atas perkara-perkara lain berkaitan kesesuaian dan kerelevan program akademik agar standard pengurniaan ijazah program tersebut terjamin.
 - Mengadakan sesi perkongsian ilmu bersama ahli akademik/pelajar untuk mempertingkatkan kefahaman tentang bidang pengkhususan program akademik yang berkaitan.

4. Hal-hal lain

- Sebarang implikasi kewangan berkaitan pelantikan pemeriksa luar program akademik adalah di bawah tanggungan fakulti/pusat.

5. Tarikh Berkuatkuasa

Garis panduan ini berkuatkuasa bermula dari tarikh ia diluluskan oleh Mesyuarat Senat Bil 01/2015 ke 138 iaitu 28 Januari 2015.